

30 MAY 2003

Effendi-Nukleus

PEMILIK DUSUN DIMINTA SERTAI KONSEP DUSUN NUKLEUS

MELAKA, 30 Mei (Bernama) -- Pemilik dusun di negara ini diminta menyertai program Dusun Nukleus yang dijalankan Kementerian Pertanian secara berkelompok bagi memastikan ia dapat diuruskan dengan baik dan tersusun dengan menggunakan teknologi terkini.

Menteri Pertanian Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi berkata melalui Dusun Nukleus ini, para petani juga boleh mempertingkatkan lagi pendapatan mereka kerana hasil keluarannya dapat dipasarkan secara bersama dengan pemilik dusun yang lain.

"Melalui program ini, Jabatan Pertanian akan membantu dari segi khidmat nasihat dan pengurusan teknologi moden, manakala Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) pula dari segi penyelidikan dan hasil yang lebih berkualiti," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai perkembangan Ladang Satelit Sungai Udang di sini, hari ini.

Manakala pemasarannya pula, kata beliau, akan diuruskan Lembaga Pemasaran Persekutuan Pertanian Malaysia (FAMA).

Menurutnya pemilik dusun juga boleh mengambil kesempatan daripada peruntukan dana sejumlah RM1 bilion melalui Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk membantu golongan petani di negara ini.

"Pinjaman boleh dibuat melalui Bank Pertanian dan melalui program Dusun Nukleus ini, petani boleh melipatgandakan lagi pendapatan mereka," katanya.

Mengenai Pakej Strategi Baru, Menteri Pertanian itu berkata kementerian akan mengadakan mesyuarat dengan semua agensi di bawahnya minggu depan untuk mengenalpasti projek-projek yang berdaya maju untuk dibangunkan dan diberikan bantuan.

Dalam pakej berkenaan, Kementerian Pertanian diberikan peruntukan besar sejumlah RM2.86 bilion yang mampu memberi manfaat kepada kira-kira 400,000 petani, penternak, nelayan dan usahawan tani di seluruh negara.

Dalam perkembangan lain, Effendi berkata Dr Mahathir akan melancarkan konsep Ladang Satelit pada Julai ini yang berkonsepkan penjualan hasil pertanian, perikanan dan ternakan di satu kawasan.

"Sebanyak enam buah ladang satelit yang melihatkan kawasan seluas 500 hektar dengan melibatkan kira-kira 300 orang petani di enam negeri iaitu Melaka, Selangor, Johor, Kedah, Perak dan Pahang," katanya.

Beliau berkata melalui ladang ini, orang ramai turut boleh memperolehi pelbagai hasil pertanian yang segar dari ladang serta tawaran harga yang berpatutan.

"Kita harap, para petani juga mendapat manfaat dari konsep ladang satelit ini yang terletak kira-kira setengah jam perjalanan dari pusat bandar," katanya.

Menurutnya konsep ladang satelit itu juga boleh menjadi satu lagi tarikan pelancongan kerana orang ramai boleh pergi melawat dan mengetahui cara bertani dan menternak selain menjadi tempat untuk rekrasi kepada keluarga di hujung minggu.

-- BERNAMA

SBS ZB